



SMK (L) BUKIT BINTANG

DASAR HAL EHWAL MURID - UBK

TUGAS JAWATANKUASA KEBAJIKAN MURID

❖ Pengurusan Bantuan dan Kebajikan Murid

1. Mesyuarat jawatankuasa perlu diadakan 4 kali setahun.
2. Mesyuarat pemilihan murid yang layak menerima bantuan perlu diadakan.
3. Gunakan borang PB1 dan PB2 untuk semua jenis permohonan bantuan bersasar. Borang PB3 hanya diberi kepada permohonan yang telah disenarai pendek oleh pihak sekolah untuk permohonan biasiswa kecil persekutuan.
4. Kemaskini data murid yang berkaitan dalam APDM/ idMe. Mohon kepada guru kelas untuk proses ini.
5. Kenalpasti murid yang perlu untuk diberi bantuan oleh orang perseorangan dan institusi yang ingin membuat sumbangan.

❖ Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM)

1. Syarat kelayakan :
 - a. Warganegara Malaysia yang belajar di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan dari Tahun 1 hingga Tingkatan 1.
 - b. Ketua isi rumah murid yang berdaftar dengan eKasih dan eDAMAK yang disahkan status kemiskinannya sebagai miskin dan miskin tegar sahaja. Pendapatan Garis Kemiskinan Nasional merujuk data yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) JPM.
 - c. Murid tidak terdiri daripada penerima apa-apa bantuan persediaan ke sekolah berbentuk kewangan daripada mana-mana pihak sama ada kerajaan mahu pun pihak luar.
2. Permohonan dilakukan secara dalam talian melalui pengemaskinian data maklumatmurid oleh guru yang bertanggungjawab.

❖ Bantuan Kebajikan, Insuran dan Zakat

1. Kenalpasti murid yang memerlukan bantuan kebajikan melalui kerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan badan bukan kerajaan.
2. Bantu murid yang ingin mempunyai insuran tambahan melalui jalinan kerjasama dengan syarikat insuran.
3. Kenalpasti murid asnaf untuk didaftarkan dengan Lembaga Zakat
4. Kenalpasti murid yang layak diberi bantuan zakat daripada orang perseorangan.